



S&J Laktasi

RITA RAHAYU OMAR (Kaunselor laktasi- rita@momslittleones.com) mengalu-alukan kiriman surat daripada para pembaca. Sekiranya anda ada sebarang pertanyaan berkaitan penyusuan bayi, hantarkannya ke: Ruangan Laktasi, Majalah Pa&Ma, Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Seksyen 15, 40200, Shah Alam, Selangor.

Kelolaan intan.jastina@karangkraf.com.my

Saya ingin bertanya pandangan puan tentang bayi yang gemar menghisap jari. Ini kerana bayi perempuan saya gemar menghisap jarinya. Kadang-kadang dia akan memasukkan kelima-lima jarinya ke dalam mulut. Masalah ini selalu berlaku. Walaupun selepas menyusu dia akan melakukan perkara yang sama. Jika dia sedang nyenyak tidur dan tiba-tiba terjaga, secara spontan dia akan memasukkan jarinya ke dalam mulut.

Saya keliru. Adakah bayi saya lapar walaupun selepas menyusu? Ini kerana saya belum mengenalkannya dengan makanan pepejal kerana dia baru berusia lima bulan. Ataupun kelakuannya itu hanyalah tabiat bagi bayi yang seusia dengannya. Saya harap puan dapat memberi sedikit maklumat tentang permasalahan ini.

Saya bimbang kerana teman sepejabat mengatakan tabiatnya akan menyebabkan lelangit bayi tinggi dan turut menyebabkan gusinya naik ke atas dan sekali gus memungkinkan giginya tidak tersusun elok.

Suriani Baba, Pulau Pinang

Hisap jari normal!

J Sewaktu saya mengandungkan anak sulung, saya berpeluang melihat aksi anak saya menghisap tangannya ketika doktor melakukan ujian ultra bunyi. Pada ketika itu saya sangat teruja kerana ia merupakan pengalaman pertama saya sebagai seorang ibu! Oleh kerana itu, saya langsung tidak hairan apabila setelah dilahirkan, anak saya menyambung tabiat menghisap jari atau tangannya. Bagi saya aksinya itu sungguh comel!

Walaubagaimanapun seperti anda juga, saya risau tabiat menghisap jari atau tangan itu akan berlanjutan sehingga boleh mendatangkan masalah kepada pertumbuhan gigi dan gusinya. Untuk pengetahuan puan, setiap bayi sebenarnya mempunyai sifat ingin menghisap secara semula jadi. Didapati, keinginan untuk menghisap paling tinggi antara satu hingga satu setengah jam selepas bayi dilahirkan. Atas alasan itulah, anda digalakkan memulakan penyusuan susu ibu seawal yang

mungkin.

Kajian juga menunjukkan bahawa bayi memang suka menghisap dan ia tidak dipengaruhi oleh penyusuan. Bayi yang suka menghisap jari atau tangan didapati lebih mudah tidur malam kerana ia dapat membuatnya selesa. Sesetengah bayi akan menghisap jari apabila mereka berasa penat, bosan atau perlukan belaian. Bayi anda bukannya lapar selepas menyusu. Kelakuannya itu adalah normal.

Janganlah risau. Tabiat ini akan berkurangan apabila mereka mempelajari benda-benda baru. Kebiasaannya, tabiat sebegini akan hilang apabila bayi mencecah umur sembilan bulan hingga setahun. Menurut kajian yang dilakukan oleh American Dental Association, tabiat menghisap jari tidak akan memudaratkan dan menyebabkan masalah kepada pertumbuhan gigi dan gusi kecuali jika ia diteruskan melebihi usia empat hingga lima tahun. Kajian mendapati antara 85

TAHUKAH ANDA?
Lebih kurang 99 peratus kanak-kanak akan berhenti menghisap jari atau tangannya sebelum mencecah umur empat tahun.

dan 99 peratus kanak-kanak akan berhenti menghisap jari atau tangannya sebelum mencecah usia ini. Jadi, tiada apa yang perlu anda khawatirkan bukan?

Ketahui maklumat lanjut tentang tabiat anak anda yang suka menghisap jarinya menerusi URL www.aboutourkids.org. Pelbagai maklumat penting tentang perkembangan anak anda dapat diperoleh melalui laman web ini. 🛒



Soalan yang tersiar akan memenangi bawcer RM100 dari Momslittleones. setiap penghantaran bawcer akan diuruskan oleh pihak Momslittleones. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi rita@Momslittleones.com.